



**PERATURAN AM
SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA KALI KE-18 (SOPMA XVIII)
2014 MELAKA**



1.0 DEFINISI

- 1.1 'SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA' (SOPMA) atau 'MALAYSIA DEAF GAMES' bermaksud satu pertandingan pelbagai jenis sukan (*multi sports event*) yang dipertandingkan antara warga Pekak di Malaysia.
- 1.2 'MSDeaf' bermaksud Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (*Malaysian Deaf Sports Association*).
- 1.3 'AHLI GABUNGAN' bermaksud Persatuan Sukan Orang Pekak yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan menjadi Ahli Gabungan MSDeaf yang berbayar.
- 1.4 'ATLET KEBANGSAAN' bermaksud atlet yang telah mewakili Negara Malaysia di Sukan Orang Pekak Asia Pasifik, Sukan Deaflympics (Deaflympics Games) serta kejohanan-kejohanan sukan di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh *International Committee of Sports for the Deaf (CISS)* dan *Asia Pacific Deaf Sports Confederation (APDSC)*.

2.0 NAMA

- 2.1 Kejohanan ini dinamakan **SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA KE-18 MELAKA 2014** dan disingkatkan sebagai **SOPMA XVIII MELAKA 2014**.

3.0 PENGELOLAAN

- 3.1 SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA (SOPMA) dikelolakan oleh MSDeaf dengan kerjasama Ahli-ahli Gabungan MSDeaf, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Pertubuhan-pertubuhan Sukan yang berdaftar.
- 3.2 Bagi maksud pengelolan, MSDeaf menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengelola yang membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti SOPMA. Di bawah jawatankuasa pengelola terdapat jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3 MSDeaf melaksanakan operasi-operasi keurusetiaan SOPMA di peringkat pusat dan bertanggungjawab memastikan segala dasar dan keputusan MSDeaf dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan.

4.0 JENIS SUKAN

- 4.1 Jumlah dan jenis sukan yang akan dipertandingkan ditentukan oleh MSDeaf dengan mengambil kira keperluan pembangunan sukan semasa dan cadangan-cadangan dikemukakan oleh Ahli-ahli Gabungan MSDeaf.
- 4.2 Antara jenis sukan yang dipertandingkan dalam SOPMA adalah seperti berikut:-
 - 4.2.1 Badminton
 - 4.2.2 Bola Jaring
 - 4.2.3 Bola Sepak
 - 4.2.4 Boling Tenpin
 - 4.2.5 Futsal
 - 4.2.6 Olahraga
 - 4.2.7 Boling Padang

5.0 SYARAT DAN KELAYAKAN PENYERTAAN

- 5.1 Penyertaan SOPMA terbuka kepada Ahli-ahli Gabungan MSDeaf, pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang bukan Ahli Gabungan MSDeaf, sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan institusi-institusi pengajian tinggi.
- 5.2 Ahli-ahli Gabungan MSDeaf yang menjelaskan yuran keahlian gabungan MSDeaf adalah layak berdaftar sebagai kontinjen negeri.
- 5.3 Bagi lebih daripada satu Ahli Gabungan MSDeaf di suatu negeri yang sama, Ahli-ahli Gabungan tersebut hendaklah didaftarkan sebagai satu (1) kontinjen negeri dengan syarat mereka memenuhi peraturan 5.2.
- 5.4 Organisasi-organisasi yang bukan Ahli Gabungan MSDeaf didaftarkan sebagai kontinjen jemputan atas nama organisasi tersebut dan dikenakan yuran khas dengan persetujuan MSDeaf.
- 5.5 Negara-negara ASEAN dibenarkan menyertai SOPMA sebagai kontinjen negara dan dikenakan yuran khas dengan persetujuan MSDeaf.

6.0 PENDAFTARAN PENYERTAAN

- 6.1 Pendaftaran pertandingan terbuka kepada warga Pekak yang layak mengikut syarat-syarat di bawah :
 - 6.1.1 Berkewarganegaraan Malaysia.
 - 6.1.1.1 Bukan warganegara Malaysia dibenarkan mengambil bahagian dalam pertandingan SOPMA atas nama kontinjen negara ASEAN dengan persetujuan MSDeaf.

- 6.1.2 Umur tidak kurang daripada 15 tahun.
 - 6.1.2.1 Peserta yang berumur kurang daripada 18 tahun diwajibkan mengemukakan surat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga.
- 6.1.3 Tubuh badan yang sihat dan cergas.
- 6.2 Setiap peserta yang berdaftar sebagai ahli persatuan yang merupakan Ahli Gabungan MSDeaf dan Ahli bukan Gabungan MSDeaf adalah layak untuk dipilih mewakili negara ke mana-mana kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang akan datang sekiranya memenuhi kelayakan pertandingan tertentu dengan syarat mereka memenuhi peraturan 5.4.
- 6.3 Setiap kontinjen yang menyertai SOPMA secara bertulis diwajibkan membuat pembayaran yuran pendaftaran (levi) mengikut jumlah peserta termasuk pegawai kontinjen, jurulatih dan atlet yang mengambil bahagian dalam SOPMA kepada MSDeaf.
 - 6.3.1 Yuran pendaftaran (levi) yang dikenakan ialah **RM20.00 seorang**.
 - 6.3.2 Yuran Penyertaan Kontinjen (Ahli Gabungan yang dikenakan) ialah **RM 100**.
 - 6.3.3 Pembayaran yuran ini hendaklah dibuat kepada MSDeaf sebelum tarikh seperti di perenggan 6.7.
 - 6.3.4 Kontinjen yang tidak membuat pembayaran selepas tarikh pendaftaran adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam SOPMA.
- 6.4 Tiap-tiap kontinjen bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan peserta masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola melalui MSDeaf.
- 6.5 Setiap acara dalam satu jenis sukan tidak akan dipertandingkan sekiranya disertai oleh kurang daripada LIMA (5) kontinjen.
- 6.6 Syarat penyertaan bagi atlet-atlet adalah seperti berikut:-
 - 6.6.1 Atlet-atlet seharusnya mewakili negeri asalnya. Atlet-atlet boleh mewakili negeri lain yang bukan negeri asalnya atas syarat-syarat berikut:

- a) Atlet tersebut mesti telah bermastautin sekurang-kurangnya dua (2) tahun berturut-turut sebelum layak mewakili negeri berkenaan; atau
 - b) Atlet yang ingin mewakili negeri lain disebabkan oleh keturunan ibu bapa, perpindahan tempat kerja, melanjutkan pelajaran, berpersatuan atau sebab-sebab yang lain hendaklah memohon pelepasan daripada badan sukan Pekak di negeri asal atlet terbabit.
- 6.6.2 Bagi acara berpasukan, sesuatu pasukan tidak boleh mendaftarkan lebih daripada DUA (2) orang atlet.
- 6.6.3 Bagi satu jenis sukan yang diambil, seseorang atlet tidak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada TIGA (3) acara perseorangan dan tidak lebih daripada DUA (2) acara berpasukan / relay sahaja.
- 6.6.4 Bagi sukan badminton yang mempunyai acara perseorangan, beregu, campuran dan berpasukan, seseorang atlet hanya dibenarkan mengambil dua acara sahaja.
- 6.7 Tiap-tiap kontinjen dikehendaki mengemukakan borang penyertaan acara mengikut jenis sukan kepada MSDeaf **selewat-lewatnya 30 April 2014**.
- 6.7.1 Borang penyertaan hendaklah disertakan dengan WANG CENGERAM (DEPOSIT) sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia LIMA PULUH sahaja)** bagi setiap jenis sukan.
- 6.7.2 Borang penyertaan yang tidak disertakan dengan wang cengkeram adalah tidak sah dan tidak akan didaftarkan sebagai peserta.
- 6.7.3 Wang cengkeram tidak akan dikembalikan sekiranya peserta atau pasukan yang telah terlebih dahulu menarik diri daripada mengambil bahagian.
- 6.8 MSDeaf bertanggungjawab memaklumkan semua kontinjen tentang jumlah pasukan dan jenis sukan yang akan dipertandingkan selepas memproses borang penyertaan acara **selewat-lewatnya 30 April 2014**.
- 6.9 Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh kontinjen kepada MSDeaf **selewat-lewatnya 30 April 2014**
- 6.9.1 Pertukaran peserta boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan sebelum kejohanan sukan bermula.

6.9.2 Penambahan jumlah atlet atau acara sukan adalah tidak dibenarkan selepas tarikh seperti di perenggan 6.7.

6.9.3 Pembayaran yuran ini hendaklah dibuat sebelum dan pada tarikh pendaftaran yang ditetapkan seperti di perenggan 6.3.1.

7.0 BILANGAN PEGAWAI / PESERTA

7.1 Jumlah maksimum bagi pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Sukan	Jantina	Ketua Kontinjen	Pengurus	Jurulatih	Atlet	Jumlah
1.	Badminton	Lelaki	1	1	1	4	7
		Wanita	1	1	1	4	7
2.	Bola Jaring	Wanita	1	1	1	10	13
3.	Bola Sepak	Lelaki	1	1	1	20	23
4.	Boling tenpin	Lelaki	1	1	1	6	9
		Wanita	1	1	1	6	9
5.	Futsal	Lelaki	1	1	1	10	13
6.	Olahraga	Lelaki	1	1	1	15	18
		Wanita	1	1	1	10	13
7.	Boling Padang	Lelaki	1	1	1	6	9
		Wanita	1	1	1	6	9
<i>Jumlah Keseluruhan :</i>			11	11	11	95	130

8.0 KAWALAN PERUBATAN

8.1 Atlet yang mempunyai masalah kesihatan atau membawa jenis-jenis ubatan hendaklah mengemukakan Surat Pengakuan doktor kepada Jawatankuasa Pertandingan SOPMA sebelum mengambil bahagian dalam suatu acara pertandingan.

8.2 Ujian dadah (*doping test*) dijalankan secara rambang ke atas atlet sepanjang SOPMA dikelolakan sekiranya perlu.

9.0 PERATURAN TEKNIK / CORAK PERTANDINGAN

9.1 MSDeaf bekerjasama dengan Persatuan Sukan berkenaan dalam menetapkan corak pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam SOPMA.

9.2 Semua jenis sukan / acara dikelolakan selaras dengan Peraturan-peraturan Jawatankuasa Sukan Orang Pekak Antarabangsa (CISS) yang berkenaan. Jika

terdapat percanggahan dari segi pentafsiran, maka pengertian sahlah akan dirujuk kepada peraturan CISS dalam Bahasa Inggeris.

- 9.3 Semua pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh SOPMA seperti yang ditetapkan perka 10.1 atau pada tempoh yang dipersetujui oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.
- 9.4 Corak pertandingan boleh dipinda untuk setiap jenis sukan berdasarkan keadaan-keadaan dan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengelola.

10.0 TEMPOH PENGELOLAAN / JADUAL PERLAWANAN

- 10.1 **SOPMA** diadakan pada tahun 2014. Tempoh rasmi pengelolaan SOPMA XVII ialah sekurang-kurangnya TUJUH (7) hari.
- 10.2 Atas sebab-sebab tertentu Jawatankuasa Pengelola dibenarkan memulakan acara pertandingan bagi jenis-jenis sukan tertentu terlebih dahulu sebelum tempoh rasmi SOPMA.
- 10.3 Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan dan dijadualkan sama sekali tidak boleh diminta penangguhan atau pindaan oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian kecuali sebab-sebab yang munasabah dan boleh diterima oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 11.2 Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.

12.0 KEMUDAHAN

- 12.1 Jawatankuasa Pengelola bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan SOPMA seperti penginapan, sajian makan minum, peralatan pertandingan dan pengangkutan.
- 12.2 Penyediaan pakaian sukan seragam dan peralatan peserta adalah menjadi tanggungjawab kontinjen masing-masing.

13.0 GANTI RUGI

- 13.1 MSDeaf, Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dan Pegawai-pegawai yang dilantik oleh mereka tidak bertanggungjawab atas

sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa SOPMA berlangsung termasuk perjalanan dari tempat kontinjen ke tempat pertandingan dan sebaliknya.

14.0 PENGURUS PERTANDINGAN DAN DELEGAT TEKNIKAL

14.1 Jawatankuasa Pengelola berhak melantik dengan rasminya seorang Pengurus Pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan.

14.1.1 Pengurus Pertandingan bertanggungjawab untuk memastikan segala persiapan teknikal dan pertandingan disediakan dan dilaksanakan mengikut Peraturan Am serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan masing-masing dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola.

14.2 MSDeaf berhak melantik dengan rasminya seorang Ketua Delegat Teknikal serta melantik Pegawai-pegawai Teknikal bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan. Tanggungjawab Ketua Delegat Teknikal adalah seperti berikut :-

14.2.1 Melantik pegawai-pegawai teknikal dan pengadil / hakim dengan kerjasama persatuan jenis sukan peringkat kebangsaan / negeri.

14.2.2 Menyemak dan mengesahkan jadual-jadual pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

14.2.3 Memastikan persiapan kemudahan sukan sebelum pertandingan bermula.

14.2.4 Menentukan semua pertandingan dijalankan mengikut peraturan / jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

14.2.5 Memastikan pegawai-pegawai teknikal mengemukakan laporan kepada Ketua Delegat Teknikal.

14.2.6 Menentukan tugas pegawai-pegawai teknikal.

14.2.7 Mengemukakan laporan bersama-sama dengan laporan pengadil mengenai peserta atau pegawai pasukan yang digantung daripada menyertai satu atau kesemua acara pertandingan kepada MSDeaf.

15.0 JURI RAYUAN TERTINGGI

15.1 Semasa SOPMA berlangsung, sebuah Juri Rayuan Tertinggi ditubuhkan dan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola.

- 15.2 Pengerusi Juri Rayuan Tertinggi disandang oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.
- 15.3 Anggota-anggota Juri Rayuan Tertinggi terdiri daripada tidak kurang daripada LIMA (5) orang dan tidak lebih dari TUJUH (7) orang ahli yang difikirkan sesuai oleh pengerusi.
- 15.4 Juri Rayuan Tertinggi membuat keputusan muktamad berkenaan dengan semua hal yang berhubungan dengan pengelolaan pertandingan SOPMA.
- 15.5 Ketua kontinjen atau wakilnya boleh mengemukakan soalan-soalan kepada juri Rayuan Tertinggi. Selai itu, juri tersebut boleh mencampuri dalam semua perkara termasuk hal-hal yang berkaitan dengan teknikal.
- 15.6 Jawatankuasa Pengelola hendaklah melantik Juri Rayuan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan.

16.0 RAYUAN / BANTAHAN

- 16.1 Sebarang rayuan atau bantahan mengenai sesuatu perkara boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen / Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Juri Rayuan Tertinggi dalam tempoh tidak lebih dari DUA (2) jam selepas tamat sesuatu perlawanan dengan disertakan wang tunai sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia DUA RATUS sahaja) sebagai wang pendahuluan.
- 16.2 Sekiranya rayuan atau bantahan itu munasabah dan diterima oleh Juri Rayuan Tertinggi, maka wang pendahuluan itu dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat berhubungan dengan rayuan dan bantahan itu.
- 16.3 Wang pendahuluan itu akan hilang dan menjadi pendapatan kepada MSDeaf sekiranya rayuan atau bantahan itu didapati tidak munasabah.

17.0 DISIPLIN

- 17.1 Setiap Persatuan Sukan yang terlibat hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Disiplin bagi mengendalikan kes-kes disiplin dalam kalangan pegawai dan peserta.
- 17.2 Di samping itu, MSDeaf melantik sebuah Lembaga Disiplin bagi mengendalikan segala kes disiplin dan salah laku yang membabitkan para pegawai serta atlet yang tidak dapat diselesaikan di peringkat persatuan yang tersebut dalam perenggan 17.1.
- 17.3 Lembaga ini juga bertanggungjawab terhadap disiplin semua pegawai kontinjen yang berdaftar dengan Urus Setia SOPMA.

- 17.4 Pengerusi Lembaga ini disandang oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.
- 17.5 Anggota-anggota Lembaga ini terdiri daripada LIMA (5) orang Ketua Kontinjen atau wakilnya yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi serta seorang wakil daripada persatuan yang terlibat.
- 17.6 Pihak Lembaga Disiplin berhak untuk memanggil mana-mana individu yang difikirkan sesuai dan dapat membantu memberikan maklumat yang berkaitan.

18.0 HADIAH-HADIAH

18.1 Hadiah-hadiah untuk SOPMA akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:-

18.1.1 Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga.

18.1.2 Piala-piala pusingan bagi anugerah seperti Johan Keseluruhan, Atlet Lelaki Terbaik dan Atlet Wanita Terbaik.

18.1.2.1 Piala Jaguh Negeri (Trofi Kejohanan)

Dianugerahi kepada yang memenangi pingat emas yang paling banyak. Jika seri, jumlah pingat perak dan gangsa akan diambil kira.

18.1.2.2 Piala Johan Keseluruhan

Pemilihan johan keseluruhan adalah berdasarkan jumlah mata yang terbanyak dikumpulkan oleh sesebuah kontinjen. Ia ditetapkan melalui sistem mata dengan membezakan pungutan mata bagi acara 'berpasukan' dan 'individu'. Maksud individu yang digunakan dalam kaedah ini ialah acara yang disertai oleh satu / dua peserta sementara maksud berpasukan ialah acara-acara yang mempunyai TIGA (3) atau lebih peserta yang bertanding bagi tiap-tiap acara.

<i>Kedudukan</i>	<i>Berpasukan</i>	<i>Individu</i>
PERTAMA	8	5
KEDUA	5	3
KETIGA	3	2
KEEMPAT	2	1

18.1.2.3 Piala Semangat SOPMA (Trofi Pencapaian Cemerlang)

Dianugerahi kepada negeri yang memenangi jumlah pingat yang paling banyak. Jika seri, rekod yang paling

banyak dipecahkan diikuti dengan atlet wanita paling ramai yang akan menentukan pemenang.

19.0 KEWANGAN

- 18.1 Kewangan SOPMA XVII kecuali perbelanjaan yang ditanggung oleh MSDeaf akan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pengelola. Penyata akaun hendaklah disiapkan tidak lewat daripada SATU (1) BULAN selepas tarikh akhir sukan tersebut untuk diperiksa dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola SOPMA.

20.0 PERKARA AM

- 20.1 Jawatankuasa Pengelola berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.
- 20.2 Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.
- 20.3 Sebarang keputusan yang dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan ia tidak bercanggah dengan Peraturan Am SOPMA serta keputusan MSDeaf.
- 20.4 Segala bantahan mengenai kesahihan status peserta tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh MSDeaf.
- 20.5 Jawatankuasa Pengelola juga mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai sukan ini, seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan tindakan berikut akan diambil :-
- 20.5.1 Pembatalan dari sukan itu. Jika peserta itu mewakili pasukan, pasukan itu akan dibatalkan dan jika peserta itu mengambil bahagian di dalam acara individu beliau akan dibatalkan. Jika pasukan / individu yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan.
- 20.5.2 Pembatalan menurut 20.5.1 di atas akan menyebabkan segala perbelanjaan pasukan / individu ditarik balik dengan serta-merta jika perbelanjaan telah dikenakan kepada pasukan/individu itu. Kontinjen Negeri berkenaan dikehendaki membuat pembayaran balik kepada jumlah tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola.

PERSATUAN SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA (MSDeaf)

Nota: Peraturan Am Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) diambil daripada draf Sukan Orang Pekak Malaysia kali ke-15 2006 (SKOP XV) yang diadakan di Ipoh, Perak dan telah diperkenalkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SKOP XV pada tahun 2006.